

Klip audio oleh SPRM

Najib, Rosmah hadir di Bukit Aman, SPRM

BH
-22/2/2020
m/s: 12

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor, semalam memberi keterangan berhubung siasatan rakaman klip audio di Bukit Aman dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Pasangan itu tiba di Bukit Aman kira-kira jam 10.15 pagi menerusi pintu belakang dipercayai bagi mengelak pihak media dan keluar melalui laluan sama.

Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Deputi Komisioner Mior Farida-

lathrash Wahid, berkata tiga siasatan dijalankan ke atas Najib dan Rosmah.

“Ia membabitkan Seksyen 8 Akta Rahsia Rasmi, Seksyen 218 Kanun Keseksaan kerana perbuatan penjawat membentuk rekod atau tulis yang tidak betul bagi melindungi seseorang daripada hukuman dan Seksyen 203A Kanun Keseksaan kerana perbuatan penjawat awam mendedahkan siasatan rasmi kepada pihak tidak sepatutnya,” katanya ketika dihubungi semalam.



Najib memasuki pekarangan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia Jalan Duta untuk memberi keterangan, di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Aswadi Alias/BH)

Siasatan itu berkait dengan pendedahan SPRM pada 8 Januari lalu membabitkan 20 individu, termasuk Najib dan Rosmah yang dirakam perbualannya sama ada terbabit dalam perbualan atau disebut mengenai skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan SRC International Berhad.

Pada jam 3 petang pula, Najib dan Rosmah memberi keterangan selama sejam kepada SPRM mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009 di Akademi Pencegahan Rasuah (MACA) berhubung kes sama.

Peguam Rosmah, N Rajivan, berkata pasangan itu hanya mem-

beri keterangan berhubung kes dan SPRM tidak meminta sebarang dokumen.

“Keterangan mereka diambil secara berasingan di Akademi SPRM dan tidak dimaklumkan sama ada akan dipanggil semula oleh SPRM,” katanya di sini, semalam.

